



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
PUAN SAZILAH BINTI MOHD YUSOF,
PENGUSAHA PEMBUATAN LABU SAYONG
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI PENGUSAHA**

NURUL FARHANI BINTI KAMARUL AZHAR

2019660336

NUR SYASYA IMANI BINTI MOHD SULAIMAN

2019814316

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER SEPTEMBER 2020 – JANUARI 2021

	Isi Kandungan	M/S
<i>Roman</i>	Abstrak	i
<i>Numerals</i>	Penghargaan	ii
	Senarai Abreviasi	iii
	Senarai Singkatan	iv
	Rujukan Kata	v
1.0	BIODATA PENEMUBUAL	
	1.1 Penemubual Pertama	2
	1.2 Penemubual Kedua	3
2.0	BIODATA TOKOH	
	2.1 Biodata Tokoh	5
	2.2 Pengenalan kepada Tokoh	6
3.0	SEJARAH LISAN	
	3.1 Pengenalan	9
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	11
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	12
4.0	KAJIAN LITERATUR	
	4.1 Topik 1	14
	4.2 Topik 2	15
5.0	TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH	18
6.0	LOG TEMUBUAL	97
7.0	RALAT	110
8.0	GLOSARI	112
9.0	INDEKS	119
10.0	BIBLIOGRAFI	123
11.0	LAMPIRAN	
	11.1 Biografi Tokoh	126
	11.2 Surat Perjanjian	127
	11.3 Senarai Soalan	128
	11.4 Diari Penyelidikan	134

ABSTRAK

Secara keseluruhannya, tajuk ini membincangkan tentang kajian berkaitan Sejarah Lisan yang perlu dilakukan ke atas tokoh mengikut ketetapan kriteria dan mencari maklumat yang berkaitan serta perlu melakukan temubual bersama tokoh yang pilih. Antara sebab utama kajian ini dijalankan adalah bagi memastikan setiap pelajar tahu bagaimana hendak mendapatkan maklumat dan kajian sejarah yang dijalankan. Untuk sejarah lisan ini kami telah memilih seorang tokoh bernama Puan Sazilah binti Mohd Yusof dan beliau merupakan seorang pengusaha labu sayong di Kuala Kangsar, Perak. Beliau juga telah berpengalaman selama 20 tahun lebih dalam bidang pembuatan labu sayong ini. Jadi, dengan adanya kajian seperti ini diharapkan agar kami mendapat pengetahuan dan ilmu yang baru berkaitan sejarah dan pembuatan labu sayong untuk tajuk yang kami pilih dan mengharapkan kajian ini akan menjadi rujukan kepada pelajar lain pada masa akan datang.

KATA KUNCI

Puan Sazilah Mohd Yusof, Kraf Sazilah, Labu sayong, Cik Ilah, Sejarah lisan.

ABSTRACT

Overall, this topic discusses about research that related to Oral History that need to be done on figures according to the criteria and find relevant information and need to conduct interviews with selected figures. One of the main reasons for this study is to ensure that every student knows how to get information and historical studies conducted. For this oral history we have chosen a figure named Puan Sazilah Binti Mohd Yusof and she is a labu sayong's entrepreneur in Kuala Kangsar, Perak. She also has more than 20 years of experience in the field of labu sayong. So, with this kind of study, it is hoped that we can gain new knowledge and knowledge related to history and the making of labu sayong for the topic we chose and hope that this study will be a reference for other students in the future.

KEYWORDS

Puan Sazilah Mohd Yusof, Kraf Sazilah, Labu sayong, Cik Ilah, Oral history.

PENGHARGAAN

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan rasa syukur ke Hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, kami telah berjaya menyempurnakan projek sejarah lisan yang telah kami usahakan selama ini. Kami telah memilih untuk melakukan projek sejarah lisan yang bertajuk pengusahaan pembuatan labu sayong.

Ribuan terima kasih, kami ucapkan kepada individu penting yang banyak membantu kami sepanjang menyiapkan projek ini. Pertama sekali, ucapan ini disalurkan kepada Puan Sazilah binti Mohd Yusof yang merupakan pengusaha atau pengasas kepada pembuatan labu sayong di Kuala Kangsar yang sudi membantu dan meluangkan masa bersama kami sebagai seorang tokoh dalam bidang labu sayong. Kesudian dan kerjasama beliau amatlah kami hargai.

Seterusnya, ucapan terima kasih juga disalurkan kepada Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin selaku pensyarah IMR604 kerana beliau telah banyak memberikan bimbingan dan semangat kepada kami. Dari masa ke semasa, beliau sentiasa memantau tugas kami dan sentiasa sedia menerangkan sesuatu perkara yang tidak mudah untuk kami fahami. Tanpa jemu dalam melayan kerenah kami sepanjang melengkapkan projek ini.

Sekalung penghargaan juga turut kami berikan kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama berhempas pulas dalam menyempurnakan projek masing-masing. Bantuan mereka dari segi informasi mengenai tugas ini amat kami hargai. Budi mereka yang sanggup meluangkan masa untuk memberikan kami maklumat juga tidak akan kami lupakan.

Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah banyak membantu kami secara langsung atau tidak langsung sepanjang projek ini dijalankan.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
CEO	<i>Chief Executive Office</i>
COVID	Coronavirus
KEMTA	Kem Tahanan
NGO	<i>Non-Governmental Organization</i> [Pertubuhan Bukan Kerajaan]
PR	Public Relations
R&D	<i>Research and Development</i> [Penyelidikan dan Pembangunan]
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Tv	Televisyen
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UnisZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
UMNO	Pertubuhan Melayu Kebangsaan Melayu Bersatu atau PEKEMBAR